

Panduan asas & intervensi simptom disleksia

ABSTRAK

Buku Panduan Asas dan Intervensi Simptom Disleksia ini sangat berguna kepada guru-guru sekolah dan ibu bapa dalam menangani masalah pembelajaran disleksia. Buku ini mengandungi pengetahuan asas ilmu disleksia yang wajib diketahui oleh guru dan ibu bapa. Buku ini juga memberikan peluang kepada guru dan ibu bapa untuk mengenal pasti masalah pembelajaran disleksia dalam kalangan murid dengan menggunakan Saringan Intervensi Simptom Disleksia (SISD). Proses pengenalpastian disleksia penting supaya intervensi awal boleh dijalankan untuk membantu murid disleksik. Saringan Intervensi Simptom Disleksia dapat dijadikan rujukan bagi pakar psikologis, psikiatri dan doktor perubatan dalam proses pengesahan masalah pembelajaran disleksia. Diyakini bahawa buku ini dapat membantu guru sekolah, ibu bapa dan pakar perubatan dalam memastikan bahawa anak-anak disleksik tidak ketinggalan dalam pembelajaran dan kehidupan.